

"Jangan politikkan 16 September untuk pecahbelah Sabah"

TAWAU 16 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pihak tertentu di Sabah supaya jangan mempolitikkan tarikh 16 September untuk memecahbelahkan Sabah dengan Semenanjung.

Kata Dr. Mahathir: "Kita harus ingat ini satu tarikh yang penuh bersejarah yang menandakan pembentukan Malaysia.

"Jadi, jangan kita gunakan ini untuk politik satu pihak untuk memecahbelah dan memisahkan Sabah daripada Semenanjung," tegasnya kepada pemberita selepas berucap di Perhimpunan Raksasa Pemuda Barisan Nasional sempena Hari Malaysia di Padang Perbandaran Tawau, di sini petang ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas langkah Kerajaan

Negeri Sabah untuk menyambut Hari Malaysia secara berasingan pada tarikh 16 September tiap-tiap tahun mulai tahun depan.

Menurut Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan, Malaysia telah dibentuk pada 16 September 1963 dan bukan 31 Ogos 1957.

Katanya, sebab itu tarikh 31 Ogos bukanlah Hari Kebangsaan dan bukanlah juga Hari Malaysia.

Dr. Mahathir berkata, "Tarikh 16 September memang kita sambut, bukan kita tidak sambut.

"Tetapi yang kita utamakan ialah Hari Merdeka iaitu untuk semua pada 31 Ogos."

Perdana Menteri menjelaskan, oleh sebab masalah birokrasi, Malaysia tidak dapat ditubuhkan pada 31 Ogos. Ia

cuma dapat dibentuk pada 16 September.

Sementara itu dalam ucapannya di hadapan lebih 25,000 orang di perhimpunan itu, Dr. Mahathir memberi amaran bahawa slogan "*Sabah For Sabahan*" (Sabah Untuk Rakyat Sabah) yang dituturkan oleh PBS sebagai berbahaya.

Katanya, walaupun pihak tertentu menafikan pakatan untuk membawa Sabah keluar daripada Malaysia tetapi slogan Sabah Untuk Rakyat Sabah ini seolah-olah mahu memisahkan perasaan orang-orang Sabah dengan Semenanjung.

"Dari segi semangat perjuangan ini, memang mereka mahu memisahkan rakyat Sabah daripada negeri-negeri lain," tegas beliau.

Dr. Mahathir turut merujuk mengenai Akta Imigresen

yang dikawal oleh Kerajaan Negeri Sabah yang mahu mengenakan pasport terhadap penduduk Negeri Sarawak dan Labuan yang mahu masuk ke negeri itu.

Beliau mendedahkan tentang ada kempen memburuk-burukkan Kerajaan Persekutuan yang dilakukan oleh orang Sabah di luar negara kononnya "kita menindas orang Kristian di Sabah."

Katanya, "ada pemimpin negara asing yang bertanya saya betulkah kita menindas orang Kristian di Negeri Sabah.

"Saya berasa sedih ... adakah kita menindas orang Kristian di negeri ini?" beliau bertanya.

Beliau berkata, tidak ada penindasan kecuali cerita yang sengaja direka-reka oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.